

03/11/1997

Krisis belum selesai (HL)

Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak anggapan George Soros kononnya krisis kewangan dunia sudah berakhir, selagi perbuatan memanipulasi pasaran mata wang tidak dihentikan.

"Saya tidak fikir begitu. Sehingga kita mendapat semula wang kita, ia masih belum berakhir," kata Perdana Menteri.

Sambil meminta Soros menghentikan perbuatan itu, Dr Mahathir berkata, ekonomi seluruh dunia akan terus tergugat selagi segelintir orang yang memang sudah kaya, mempunyai kuasa untuk memanipulasi pasaran mata wang.

"Inilah yang membuatkan saya sungguh tidak gembira. Tetapi saya berharap dia (Soros) sedar bahawa dia mengaut keuntungan daripada kesengsaraan orang lain. Kalau dia ada conscience (perasaan), dia patut berhenti (manipulasi mata wang)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Soros bahawa kejatuhan teruk pasaran dunia, baru-baru ini, sudah berakhir.

Soros yang selama ini dikaitkan dengan krisis mata wang di Asia Tenggara termasuk Malaysia, membuat kenyataan itu dalam temuramah dengan stesen radio BBC di London, kelmarin.

Dalam temuramah itu, Soros juga mendakwa mengalami kerugian AS\$2 bilion (RM7 bilion) apabila pasaran saham jatuh meredum minggu lalu.

Bercakap kepada pemberita di sini semalam, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, Soros tidak perlu merungut kerana kerugian itu kecil berbanding keuntungan yang dibuatnya hasil kesengsaraan orang lain selama ini.

"Saya tidak ada komen kerana ia tidak begitu menakjubkan. Mengikut laporan dia rugi AS\$2 bilion, tetapi dari mana dia dapat AS\$2 bilion itu. Itu lebih penting dan dia berkata ia (kerugian itu) hanya 1/10 daripada wangnya. Ini bermakna dia mempunyai AS\$20 bilion.

"Saya faham Bill Gates (jutawan komputer terkaya di dunia) mempunyai wang yang banyak, tetapi saya tidak tahu bagaimana Soros membuat wangnya," katanya yang sebelum itu mendengar taklimat Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Badawi serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, mengenai dua mesyuarat peringkat menteri masing-masing menjelang Sidang Kemuncak Kumpulan Negara-negara Membangun (G-15).

Dr Mahathir berkata, apa yang beliau tahu penurunan nilai mata wang menyebabkan negara sekarang menjadi 30 peratus lebih miskin.

"Dulu per kapita kita AS\$5,000 dengan penurunan 30 peratus, kita sekarang hanya mempunyai AS\$3,500.

"Bermakna kita hilang AS\$1,500 dalam soal pendapatan per kapita disebabkan ia dikira dalam dolar Amerika.

"Dan sekarang jumlah penduduk kita 20 juta orang, bermakna Malaysia saja sebenarnya kerugian AS\$30 bilion (RM105 bilion)," katanya.

Mengenai sikap masyarakat antarabangsa yang mula menerima pandangan beliau berhubung perlunya peraturan dan pasaran khusus bagi urus niaga mata wang, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak peduli orang terima atau tidak terima.

"Saya cuma kata apa yang saya fikir betul saja.

"Sama ada orang ingin menerima atau tidak, ia tidak membawa sebarang perubahan. Tetapi ia adalah benar."

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dan berasa mencapai kemenangan selepas apa yang dilaungkan menjadi kenyataan dan membuka mata dunia, Katanya:

"Kita cuma menunjukkan fakta, kita tidak berfikir mengenai kemenangan.

"Saya tidak kisah siapa yang benar. Saya tidak merasa apapun."  
(END)